

## **Self-Favorability Bias (Part 6)**

Azizi Hj Yahaya

### **5.1.2 Arahan Tepat kepada Subjek.**

Adakah subjek telah diberi arahan yang meyakinkan dan sama dimensi dengan ukuran yang mana konsep kendirinya akan diukur sebelum memberikan laporan sendiri.

Sebagai contoh, ketua asrama sekumpulan subjek telah diminta untuk memberi “ranking” antara mereka mengenai kemurahan hati subjek. Subjek juga diminta memberi ranking untuk dirinya sendiri mengenai aspek ini. Adakah istilah kemurahan hati ini telah didefinisikan dengan tepat kepada kedua-dua subjek dan penilai supaya semua menjuruskan usaha untuk mencari kedudukan ini dalam konstruk yang sama? Satu lagi contoh ialah jika laporan sendiri sepatutnya menunjukkan kedudukan subjek dalam darjahnya, adakah pengkaji telah memberikan penjelasan kepada subjek tentang standard ukuran kebolehan akademik yang akan digunakan untuk menilai ketepatan kedudukan seseorang?

Wylie mendapati bahawa kebanyakan kajian tidak menangani masalah ini dengan tepat atau tidak melaporkan bagaimana mereka menanganinya; oleh itu keputusan mereka tidak boleh diterjemahkan.

### **5.1.3 Kumpulan rujukan yang sesuai dan spesifik.**

Jika laporan konsep sendiri sosial subjek akan dibandingkan dengan kumpulan rujukan, adakah ciri kumpulan rujukan yang akan dibandingkan ini telah diterangkan dengan tepat terlebih dahulu? Contohnya, adakah dia dimaklumkan untuk melaporkan kedudukan kebolehan akademiknya antara pelajar dalam kelasnya, asramanya, seluruh pelajar dalam sekolahnya atau seluruh pelajar di Malaysia atau pelajar "secara amnya". Seseorang tidak boleh berharap untuk menilai ketepatan laporan sendiri mengenai kedudukannya di antara kumpulan kecuali pengkaji menggunakan kumpulan yang sama dengan yang dibandingkan oleh subjek bagi menilai kedudukan akademiknya. Walaupun, perkara ini jelas, ia merupakan sesuatu yang sering diabaikan atau memberi arahan yang kabur kepada subjek. Akibatnya keputusan tidak dapat diinterpretasikan.

### **5.1.4 Pengetahuan Subjek Mengenai Instrumen Psikometrik.**

Walaupun seseorang mengandaikan bahawa subjek telah beri panduan untuk memahami bahawa dia perlu memberikan laporan konsep sendiri mengenai satu konstruk yang telah didefinisikan dengan jelas dan mengetahui tentang kumpulan rujukan sebagai bandingan, adalah subjek benar-benar tahu bagaimana untuk menghasilkan laporan sendiri yang boleh diinterpretasikan dalam hal darjah bias self favourability? Ini tidak berlaku kecuali dia mempunyai idea yang tepat tentang gagasan psikometrik yang dijadikan ukuran oleh pengkaji.

Contoh, subjek telah diminta untuk meneka skornya dalam ujian kecerdasan yang standard. Sekalipun konstruk yang mendasari ujian telah se diterangkan kepadanya, subjek masih lagi tidak mengetahui maklumat psikometri tentang sesuatu ujian yang diperlukannya untuk

tujuan membuat “rating” sendiri yang boleh digunakan. Kecuali jika dia mempunyai idea tentang min dan “standard deviation” kumpulan rujukan terhadap apa yang dinilai keatas dirinya, ketidaktepatan dalam meneka skornya mungkin didasarkan kepada andaian yang salah tentang perkara ini lebih daripada andaian yang salah terhadap konsep kendirinya, atau ketepatannya hanya secara kebetulan sahaja.

Satu contoh yang lain, seandainya “rating” itu digunakan sebagai asas menilai konsep sendiri sosial subjek mengenai sifat peramah. Kecuali jika subjek tahu bagaimana penilainya menggunakan skala ratings, kecenderungan untuk membuat laporan sendiri yang menguntungkannya mungkin menyebabkan subjek membuat andaian yang salah tentang bagaimana “rating” bagi dirinya diukur.

Sebahagian besar kajian menghasilkan keputusan yang tidak boleh diinterpretasikan kerana mereka telah membandingkan skor yang dianggarkan dengan skor yang diperolehi tanpa merujuk kepada kesulitan yang dinyatakan di atas dalam prosedur sebegini.

CONTINUE...